



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 11 JUN 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BEKALAN MAKANAN CUKUP, LOKAL, HM -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	TERKEJUT LEMBU MATI BERGELIMPANGAN, LOKAL, HM -19	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	FIVE VIETNAMESE CHARGED WITH ILLEGAL FISHING, HOME, BORNEO POST (KK) -6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	TERUJA LIHAT DURIAN HUTAN BERBUNGA LEBAT, LOKAL, HM -18	LAIN-LAIN
5.	DURIAN KITA PREMIUM, LOKAL, HM -18	
6.	DURIANS STAY POPULAR IN CHINA, NATION, THE STAR -14	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/6/2020	HARIAN METRO	LOKAL	12

Bekalan makanan cukup

Kuala Lumpur: Bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung permintaan dalam negara yang berterusan serta mudah diperolehi.

Menteri Pertahanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) juga membuat pemantauan di peringkat pengeluar makanan dan memberi jaminan bekalan barangan keperluan mencukupi.

“Orang ramai dinasihati tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan kerana ia dijamin mencukupi.

“Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga membuat pemantauan harian ke atas 25 jenis bekalan barangan di 959 premis perniagaan membabitkan 743 peruncit, 185 pemborong dan 31 pengilang.

“Semalam (kelmarin), penguat kuasa KPDNHEP turut melakukan 2,643 pemeriksaan khas Pematuhan SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB),” katanya pada sidang media harian di Putrajaya di sini, semalam.

Terkejut lembu mati bergelimpangan

Kota Tinggi: "Saya terkejut melihat lembu itu mati dalam keadaan bergelimpangan," kata pengusaha ternakan lembu, Yusman Md Yousof, 38.

Menurutnya, kejadian disedari kira-kira jam 7 pagi kelmarin sewaktu menjalankan rutin harian melihat ternakannya di ladang sawit di Felda Aping Timur, dekat sini, yang dijaga secara ternak lepas.

"Pagi itu, saya ada bungkus makanan untuk bersarapan di ladang sawit. Ketika itu, jarak saya dengan lokasi kejadian (tempat lembu mati) kira-kira 300 meter.

"Datang sekumpulan lembu yang saya bela mengham-piri dan mengeluarkan bunyi



KEADAAN kumpulan lembu yang dipercayai dipanah petir.

bising seolah-olah seperti ada yang tidak kena. Kemudian, saya jumpa ada yang lembu mati bergelimpangan.

"Sebanyak 23 ekor mati termasuk enam daripadanya

lembu jantan dan tujuh lembu betina berusia dua hingga lapan tahun.

"Secara keseluruhannya, saya bela 49 ekor. Anggaran kerugian saya alami kira-kira

ra RM46,000," katanya.

Yusman yang mula menernak lembu sejak berumur 17 tahun itu berkata, kejadian berkenaan pertama kali berlaku kepada dirinya.

"Selepas melihat keadaan lembu itu saya membuat laporan polis berhubung kejadian di Balai Polis Tanjung Sedili, dekat sini dan turut melaporkan kepada Pejabat Veterinar Daerah Kota Tinggi.

"Pegawai Penyiasat veterinar datang menjalankan siasatan dan dimaklumkan lembu saya dipercayai kena panahan petir.

"Ia dipercayai berlaku disebabkan bencana alam bukannya akibat terkena racun," katanya.

Headline	Five Vietnamese charged with illegal fishing		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	11 Jun 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	6	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	82 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 229
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 686



Five Vietnamese charged with illegal fishing

KOTA KINABALU: Five Vietnamese fishermen were jointly charged with illegal fishing.

The fishermen, Nguyen Hoa Hiep, Lan Dinh Toan, Chan Ngoc Sang, Tran Thanh Hai and Nguyen Hoang Lanh, aged between 20 and 58, were brought before Sessions Court judge Egusra Ali yesterday to face the charge.

They pleaded not guilty to an amended charge of fishing in the waters of Malaysia without permission from the director of the Malaysian Fisheries Department.

According to the charge, they were found in a fishing vessel at about 19.3 nautical miles from Tanjung Kiamas, Pulau Labuan at 2.40 pm on March 7.

The alleged offence was framed under Section 15(1)(a) of the Fisheries Act 1985 and punishable under Section 25(a) of the same Act, which carries a fine of up to RM1 million for the skipper and RM100,000 for the crew members, upon conviction.

Pre-trial case management was set on July 16 for the Vietnamese men and the court also ordered them to be further detained in custody, pending disposal of the case.

Deputy public prosecutor Wan Muhammad Fitri Wan Azizan from the Malaysian Maritime Enforcement appeared for the prosecution while the fishermen was represented by counsel Arthur Bonnie.

Teruja lihat durian hutan berbunga lebat

Raub: Peluang melihat pokok durian hutan atau saintifiknya *Durio Oxleyanus* berbunga lebat di batang satu pengalaman menarik dan menakjubkan.

Kakitangan Pejabat Hutan Daerah (PHD) Raub, Mohd Shokori Zainal Abidin berkata, selama 40 tahun bertugas ini kali pertama dia melihat pokok itu tumbuh subur di kawasan Hutan Ulu Temau, Dong di sini, Isnin lalu.

Katanya, pokok berukuran batang 36 sentimeter dan tinggi 20 meter itu dianggarkan berusia 15 hingga 20 tahun dan difahamkan ini kali pertama pokok berkenaan mengeluarkan bunga lebat pada batang.

"Saya seolah-olah tidak percaya melihat pokok durian hutan berkenaan be-

gitu subur, hanya ada sepokok di kawasan hutan terbabit.

"Di peringkat awal penemuan, saya keliru kerana ia mempunyai ciri hampir sama dengan pokok mempising yang banyak terdapat di hutan negara ini," katanya.

Mohd Shokori berkata, pokok durian hutan kini semakin sukar ditemui di hutan di Pahang berikutan aktiviti pembalakan menjadi antara faktor pokok berkenaan hampir pupus.

Beliau yang bersara pilihan dua minggu lagi berkata, buah durian hutan boleh dimakan walaupun saiznya kecil berbanding durian kampung dan klon manakala rasanya dikatakan berbeza selain mempunyai bau kurang menarik.



MOHD Shokori menunjukkan pokok durian hutan yang berbunga lebat di Hutan Ulu Temau, Dong, Raub.

Durian kita premium

- Eksport ke China tahun lalu bernilai RM7b
- Minat rakyat China pada durian Malaysia tetap utuh walaupun krisis Covid-19

Kuala Lumpur

Durian Malaysia kekal menjadi pilihan dan rebutan dalam kalangan rakyat China yang dipacu permintaan kukuh terhadap raja buah itu.

Penasihat Komersial di Kedutaan China di Malaysia, Shi Ziming berkata, minat rakyat China terhadap durian tetap tidak berkurang meskipun rantai bekalan di Malaysia terjejas pada awal 2020 akibat pandemik Covid-19.

Menurutnya, durian Malaysia jadi pilihan pembeli di China untuk dijadikan hadiah premium kepada rakan dan keluarga.

"Tekstur dan rasa durian Malaysia tiada tandingannya di dunia. Ia selalunya dibeli sebagai hadiah untuk keluarga dan rakan," kata Shi.

China mengimport 600,000 tan durian bernilai

AS\$1.7 bilion (RM7.24 bilion) pada tahun lalu.

Bagaimanapun, import durian dari Malaysia menyumbang peratusan kecil di pasaran China.

Setakat ini, durian Malaysia hanya terdapat di beberapa bandar utama di China dan hanya boleh dibeli melalui platform dalam talian.

Menurut statistik Kedutaan, China mengimport 3,200 tan isi durian sejuk beku dan pes dari Malaysia berjumlah AS\$41 juta pada 2018.

Kelulusan mengeksport durian dalam bentuk biji (*whole fruits*) bermula pertengahan 2019 mencetuskan lonjakan eksport berjumlah 7,700 tan (termasuk isi dan pes) pada tahun lalu bernilai AS\$67 juta.

"Walaupun berlaku wabak dan di luar musim, eksport durian Malaysia ke China

pada suku pertama 2020 sama dengan tempoh sebelumnya iaitu AS\$ 22 juta.

"Ini menunjukkan eksport durian Malaysia ke China tidak terjejas meskipun pada luar musim," katanya.

Shi berkata penjualan durian di Malaysia meningkat 10 kali ganda menjelang akhir Mac lalu berikutan promosi platform buah segar e-dagang China, FreshHema dan mencecah RMB4.35 juta (RM2.62 juta) di platform makanan bawa pulang, Meituan Waimai pada 20 Mei lalu.

Presiden Persatuan Peladang Makanan Malaysia (Bahagian Belia), Francis Hong berkata, eksport durian ke China pada masa ini menyumbang hampir 80 peratus-bekalan baharu untuk musim (Mei hingga Julai atau Ogos)-dijangka meningkat dan dapat memenuhi per-

mintaan pasaran China.

"Seperti sektor lain, kita terkesan dengan penularan wabak Covid-19. Tetapi sekarang keadaan semakin baik dan dengan musim baharu bermula, kami harap dapat menuai hasil yang banyak, tetapi (pengeluaran) kali ini bergantung kepada cuaca," katanya.

Hong, yang juga mengeksport durian ke China berkata, pasaran durian Malaysia di China hanya 10 peratus dan dijual di Shanghai, Guangzhou, Guangdong dan Beijing.

Malaysia hanya mengeksport durian premium ke China-termasuk Musang King yang terkenal, 101 dan D24.

"Dianggarkan sekilogram Musang King boleh menjangkau harga bermula daripada RMB200-RMB300 (RM120-RM180)," kata Hong.



Durians stay popular in China

With pandemic under control, exports expected to rise again

KUALA LUMPUR: With the Covid-19 pandemic waning in both China and Malaysia, durian exports to the Middle Kingdom is expected to rise again, driven by strong demand and consumption.

Commercial Counsellor at the China Embassy in Malaysia Shi Ziming said interest from Chinese consumers in the fruit had not waned, although the supply chain for Malaysian durians was affected early this year.

Demand, she added, had quickly picked up once the pandemic in the republic was successfully controlled.

The Malaysian durian, said Shi, was a favourite in China and often sought after by buyers as special gifts for their friends and families.

"The texture and taste of the Malaysian durian is second to none in the world," said Shi in an email interview.

The Chinese's fondness for the King of Fruit is evident from the country's total import of 600,000 tonnes of durian worth US\$1.7bn (RM7.24bn) in 2019.

However, the Malaysian durian only accounts for a very small percentage of the market share in China and is only available in major cities like Beijing, Shanghai and Guangzhou, and via online platforms.

According to the embassy's statistics, China imported 3,200 tonnes of frozen durian pulp and paste from Malaysia, amounting to US\$41ml (RM175ml) in 2018.

Despite the pandemic and off-season period, Malaysia's export to China in the first quarter of this year was equivalent to the previous one - US\$22ml (RM94ml), said Shi.

"This showed that export was not



affected during this time," she added.

Shi said the sale of Malaysian durians even increased tenfold towards the end of March following promotions by Chinese e-commerce fresh fruit platform FreshHema and hit 4.55 million yuan (RM2.62ml) on takeaway food platform Meituan Waimai on May 20.

Malaysia Food Farmers Association (Youth Chapter) president Francis Hong said durian export to China had resumed to almost 80% and new supply - with the arrival of the new season from May to July or August - was expected to increase and meet demand.

"Like any other sector, we are also affected by Covid-19, but now, the situation is slowly improving. With the new season just starting, we are hopeful for a good harvest. This, of course, very much depends on the weather as well," he said.

Hong, who also exports durians to China, said Malaysia's durian market share in the republic was only about 10%.

Malaysia only exports premium variants of durians to China, including the famous Musang King, 101 and D24. On average, a kilogramme



In high demand: A customer inspecting durians on sale at a stall in Petaling Jaya. According to Shi, the Malaysian durian is also popular in China.

of Musang King could fetch up to between 200 yuan and 300 yuan (RM120 and RM180), said Hong.

Another entrepreneur, Fred Lim, said although his durian production and sales were badly affected by the pandemic, he remained optimistic that the situation would recover soon.

He said the movement control order (MCO) had caused his business to drop by 50%, with revenue being slashed from RM5ml monthly previously to RM2.5ml now.

Lim, who has been exporting durian pulp and paste to China since 2010, said he hoped that the International Trade and Industry

Ministry and Agriculture and Food Industries Ministry would organise trade missions to China soon.

Shi said she hoped Malaysian suppliers and exporters could launch more market promotion activities so that their durians could be savoured by more people in China.

She also encouraged Malaysian entrepreneurs to introduce more varieties of durian-based food products - such as pastries - to the Chinese market.

"As Malaysian durian's fame continues to expand in China, the potential is endless," Shi added.

— Bernama